

Rais jumpa sultan untuk selesaikes pengampunan tertunggak

BH 23 MAR 2009

PUTRAJAYA Khamis – Lembaga Pengampunan akan cuba menyelesaikan 248 kes tertunggak dalam masa terdekat kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim

Katanya laporan perundangan semua kes terbit sudah disiapkan Jabatan Peguam Negara (JPN) dan beliau akan mengadakan pertemuan dengan Sultan atau Yang Dipertua di setiap negeri bagi memohon Jemaah Pengampunan Negeri menyegerakan keputusan berhubung kes berkenaan

Pertemuan pertama saya ialah dengan Sultan Pahang Sabtu ini bagi

menyelesaikan 24 kes pengampunan di negeri itu iaitu jumlah terbesar berbanding negeri lain

Saya juga akan bertemu Sultan atau Yang Dipertua negeri lain yang mengetuai Lembaga Pengampunan masing-masing supaya kes yang dirujuk dapat diselesaikan mengikut Perlembagaan Persekutuan atau sistem mahkamah sedia ada dengan secepat mungkin

Bagi kes pengampunan di persekutuan pula Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui Yang Dipertuan Agung untuk merumuskan jalan penyelesaian berdasarkan laporan

perundangan yang disediakan JPN katanya selepas lawatan ke pejabat baru JPN di Putrajaya hari ini

Rais berkata penyelesaian semua permohonan pengampunan terbabit tidak menghadapi sebarang masalah kerana ulasan perundangan serta laporan lengkap mengenainya sudah disediakan Fauziah

Lembaga Pengampunan adalah peluang terakhir untuk melepaskan diri daripada hukuman bagi sesiapa yang rayuannya ditolak Mahkamah Persekutuan selepas semua proses rayuan mengikut prosedur mahkamah sudah selesai

Rais berkata hampir se-

mua kes berkenaan sudah lama tertunggak dan pe salah yang terbabit masih menunggu keputusan sama ada akan meneruskan hukuman yang dijatuhkan atau diampun serta diringankan hukuman oleh Lembaga Pengampunan

Mengenai lawatan ke jabatan itu Rais berkata beliau selaku menteri yang bertanggungjawab mengenai hal undang-undang mahu memastikan segala keperluan termasuk kakutangan serta sumber sokongan seperti perpustakaan serta bahan penyelidikan memadai untuk memastikan kecekapan operasi JPN

Secara keseluruhan ka-

tanya jabatan itu mempunyai segala keperluan asas tetapi masih perlu dipertingkatkan khususnya perpustakaan undang-undang yang kekurangan sumber rujukan dan semakan undang-undang

Rais berkata jabatan itu juga sudah memohon penubuhan sebuah kumpulan pakar rujuk terdiri daripada bekas hakim bekas peguam bekas pegawai pendakwa dan anggota akademik bagi membantu badan itu

Katanya hubungan di kalangan pihak berkuasa badan kehakiman serta JPN juga perlu dipererat untuk mewujudkan jalinan kerjasama yang mantap